



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE
29 BIL. 29 TAHUN 2021
TATACARA MASUK KE KAMPUS
BAGI PELAJAR YANG TINGGAL DI LUAR KAMPUS
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pelajar yang dikasihi,

Berkuatkuasa mulai 10 Disember 2021, pelajar yang tinggal di **luar kampus** (yang dibenarkan kembali ke kampus secara fizikal sahaja) **hanya perlu mengemaskini keputusan status ujian sendiri Covid-19 di aplikasi ADAB** sebelum memasuki kampus bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran atau lain-lain aktiviti yang dibenarkan oleh pihak universiti. Pelajar perlu menunjukkan keputusan ujian saringan Covid-19 terkini kepada pihak pegawai keselamatan atau mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan di pintu masuk utama kampus atau di mana-mana kawasan dalam kampus melalui paparan aplikasi ADAB.

Perlu diingatkan agar **semua pelajar** (dalam/luar kampus) sentiasa jujur dalam membuat ujian sendiri Covid-19 atau isytihar status kesihatan masing-masing dalam usaha membendung penularan wabak Covid-19 di dalam kawasan kampus. Pelajar juga perlu sentiasa mengamalkan kebiasaan baharu dengan sentiasa mengemaskini dan mencatat perkara dibawah di dalam aplikasi ADAB masing-masing iaitu;

- Keputusan Ujian Kendiri Covid-19
- Mengimbas UMP Trace sebelum memasuki mana-mana premis dalam kampus
- Bacaan imbasan suhu badan
- Sentiasa semak pemakluman terkini berkenaan Covid-19

4. Sebagai langkah kawalan tambahan semua pelajar dikehendaki sentiasa melakukan TRIIS (Test, Report, Inform, Isolate, Seek) bagi mengawal dan mencegah jangkitan dan penularan Covid-19 dalam kampus.

- i. (T-Test) - Segera lakukan ujian saringan Covid-19 secara sendiri sekiranya alami simptom-simptom jangkitan seperti selsema, demam, batuk dan lain-lain.
- ii. (R-Report) - Laporkan keputusan saringan secepat mungkin di aplikasi CoSMoS / My Sejahtera / Aplikasi ADAB.
- iii. (I-Inform) - Jika didapati positif, maklum & lapor semua kontak rapat kepada pihak Pusat Kesihatan Universiti. Maklum pihak berwajib/CAC jika kesihatan semakin merosot.
- iv. (I-Isolate) – Sekiranya didapati positif patuh untuk lakukan kuarantin/pengasingan sendiri dengan penuh disiplin supaya tidak membahayakan orang sekeliling.
- v. (S-Seek) - Dapatkan rawatan segera di Pusat Kesihatan Universiti jika alami gejala berat seperti sukar bernafas & suhu badan terlalu tinggi.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut, Kampus Gambang (09-549 3333) dan UMP Pekan (09-424 6999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



HARYANI BINTI ABDULLAH

Pengurus Besar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 8 Disember 2021

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi

Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita